

Khidmat bas perantara beroperasi 16 Dis. ini

KUALA LUMPUR 2 Dis. - Sebanyak 112 perkhidmatan bas perantara akan mula beroperasi di semua laluan fasa pertama menghubungkan stesen perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Semantan, dekat sini.

Ketua Perancangan Bas Perantara dan Infrastruktur MRT Group, Rudyanto Azhar berkata, pengoperasian perkhidmatan bas yang bermula 16 Disember ini melibatkan semua 12 stesen di sepanjang laluan fasa pertama MRT arah Sungai Buloh-Semantan yang melibatkan jarak kira-kira 51 kilometer.

Kata beliau, dengan adanya perkhidmatan bas itu, semua pengguna pengangkutan awam akan merasa lebih selesa dan mampu merancang perjalanan secara lebih sistematik.

"Selain menawarkan perkhidmatan lebih mesra pengguna dan menyeluruh, ia juga bakal memudahkan akses pelanggan ke pelbagai destinasi di sepanjang laluan fasa per-

tama MRT arah Sungai Buloh-Semantan.

"Lebih menarik, perkhidmatan ini juga akan menjadikan semua stesen kami lebih terangkum malah pengguna hanya perlu membayar RM1 sahaja bagi setiap kemudahan bas perantara yang tersedia di pelbagai lokasi strategik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam rangka lawatan media sempena pelancaran Fasa 1 Laluan MRT Sungai Buloh-Semantan di Stesen MRT Sungai Buloh, semalam.

Yang turut mengiringi lawatan media itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Mohd. Azharuddin Mat Sah dan Ketua Pegawai Operasi RapidKL, Mohd. Azam Omar.

Rudyanto berkata, diskaun 20 peratus juga akan diberi kepada kelompok pengguna terpilih termasuk pelajar, warga emas, pemegang pas mingguan serta pas bulanan.



MOHD. AZAHARUDDIN MAT SAH (kiri) bersama Rudyanto Azhar (tengah) dan Mohd. Azam Omar di depan bas perantara MRT semasa mengiringi lawatan media di Stesen MRT Sungai Buloh, Selangor, kelmarin.